



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

PROGRAM NUR RAMADAN PERINGKAT
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

11 MAC 2025

DEWAN SERI SIANTAN
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، والصلاة
والسلام على سيدنا محمد أشرف
المرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan kehadiran Allah Azza Wa Jalla kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Program Nur Ramadan peringkat Putrajaya.
2. Tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atas kolaboratif ini saban tahun.

3. Sudah pasti, jika agensi-agensi Kerajaan seperti ini bergabung dan membantu rakyat yang memerlukan, saya percaya, usaha Kerajaan MADANI, bukan sahaja untuk menghapuskan miskin tegar, malah miskin bandar juga kita dapat santuni.
4. Inilah apa yang kita sebut sebagai MADANI, di mana semua pihak perlu memainkan peranan mereka dalam membantu masyarakat agar kita dapat mewujudkan satu ketamadunan yang hebat untuk diwarisi kepada generasi anak cucu kita pada masa hadapan.

ZAKAT MANIFESTASI Keadilan Sosial

Para hadirin sekalian,

5. Alhamdulillah, pada tahun ini MAIWP telah sekali lagi memperuntukkan sejumlah 1.1 juta ringgit wang zakat untuk diagihkan kepada 5,500 orang penerima yang layak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Hari ini, di Putrajaya sahaja, kita akan menyantuni seramai 700 orang penerima. Terima kasih kepada MAIWP dan juga hampir 2 juta pembayar zakat di Wilayah Persekutuan, kerana tanpa sumbangan mereka, usaha murni ini tidak akan dapat kita realisasikan.

6. Kerana itulah saudara saudari sekalian, zakat ini selain dari satu ibadah, ia juga merupakan manifestasi kepada *concept of social justice* atau keadilan sosial, di mana kita dapat menyantuni jurang kemiskinan dan dalam masa yang sama mengimbangi kesenjangan sosial di antara yang miskin dan juga yang kaya, seperti sabda Rasulullah: Tidaklah termasuk orang yang beriman, orang yang kenyang sementara jiran tetangganya kelaparan.

7. Inilah semangat kebersamaan yang menjadi asas kepada kesejahteraan sosial dalam Islam. Islam mengajar kita bahawa hubungan sesama insan harus berlandaskan ukhuwah yang kuat, seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah al-Hujurat, ayat 10, mafhumnya: Sesungguhnya orang beriman itu bersaudara.

8. Rasulullah SAW juga menekankan tentang konsep ukhuwah dalam Islam ini dan betapa pentingnya ikatan orang Islam itu antara satu dengan yang lain. Dalam sebuah hadis, Baginda bersabda yang maksudnya: perumpamaan orang beriman dalam hal hubungan kasih sayang seperti satu tubuh badan, apabila salah satu anggota mengalami kesakitan, maka seluruh tubuh akan merasai juga kesakitannya.

9. Oleh itu, dalam melaksanakan tanggungjawab sosial ini, Islam telah menetapkan golongan yang berhak menerima bantuan agar keperluan asas mereka dapat dipenuhi. Itu lah bukti bahawa Islam itu sifatnya syumul atau menyeluruh, komprehensif dan sempurna. Begitu juga apa yang saya selalu tekankan, jika ada antara kita yang masih tertinggal ataupun tercicir dari arus pembangunan dan kemodenan, kita bertanggungjawab untuk menarik mereka bersama dan jika ada yang masih bergelut dengan kemiskinan bandar, kita juga bertanggungjawab untuk memberi mereka peluang dan keupayaan untuk bangkit.

10. Insya-Allah, melalui *flagship program* di JWP, iaitu Program Usaha Jaya Insan atau PUJI, kita akan terus mengambil pendekatan keadilan sosial ini. Contohnya seperti hari ini, melalui inisiatif Ihsan@PUJI, Kerajaan akan terus pastikan setiap sen wang zakat ini sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

11. Sedar tak sedar, kita sudah pun berada dalam sepuluh hari pertama bulan Ramadan. Ramadan ini datang seperti tetamu istimewa, membawa seribu satu peluang untuk kita menambah amal kebajikan dan meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

12. Melalui program Nur Ramadan ini, kita diberikan peluang untuk menzahirkan rasa peduli terhadap golongan asnaf dan mereka yang memerlukan. Ia mencerminkan nilai Ihsan, di mana setiap tangan yang memberi dan setiap hati yang menerima saling terikat dalam ukhuwah yang erat. Semangat kebajikan seperti ini tidak boleh terhenti sekadar dalam bulan Ramadan semata-mata, tetapi perlu terus diamalkan sepanjang masa.

13. Dalam kesempatan ini juga, saya menyeru kepada diri saya sendiri dan kepada semua yang hadir, agar kita dapat bersama-sama merebut peluang yang ada dalam bulan Ramadan ini, khususnya dalam memperbanyakkan amal soleh, meningkatkan ketakwaan dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

14. Untuk itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program Nur Ramadan peringkat Putrajaya Tahun 2025.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.